

Sikap penduduk punca tercemar

RM4 juta diperuntukkan bagi naik taraf, pembersihan Sungai Rajah

AZIMAH GHAZALI

RAWANG – Gara-gara sikap penduduk tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam sungai, saliran Sungai Rajah berhampiran Kampung Rajah, Pekan Rawang, di sini menjadi 'mangsa' pencemaran.

Wakil penduduk di situ, MNazimMuruganAbdullah, 44, berkata, pihaknya percaya penduduk yang tinggal di kawasan sekitar sendiri yang mengambil sikap sambil lewa membuang sampah ke dalam saluran dan anak sungai.

"Kita lihat sungai ini makin lama makin teruk dengan bungkusan sampah dalam plastik kian banyak. Sebagai penduduk, kita cadangkan supaya diletakkan perangkap sampah di sungai ini.

"Manakala perangkap sampah berkenaan perlulah diselenggarakan sekerap mungkin supaya tidak timbul

masalah lain seperti sekatan air sungai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, keadaan sungai di Kampung Rajah kini kelihatan tidak terurus selain warna air sungai terbahit sudah kehitaman.

Katanya, semasa hujan lebat, air yang naik sehingga setinggi separas laluan jambatan di Kampung Rajah dekat Jalan Waterfall di situ, dibimbangi boleh menjejaskan keselamatan pengguna berkenderaan yang lalu lalang.

"Kita juga dapat lihat terdapat bekas dan plastik sampah yang tersangkut pada anak pokok berhampiran jambatan di Jalan Waterfall berkenaan," katanya.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang ketika mengulas aduan itu mengakui masalah timbul dan

memaklumkan langkah menanganinya sedang dilakukan.

Katanya, selepas tawaran tender menaik taraf sungai terbahit ditutup pada 7 September ini, kira-kira dua bulan nanti kerja berkaitan pembinaan longkang konkrit, pembersihan dan sebagainya akan dimulakan kontraktor dilantik.

"Sepatutnya kerja menaik taraf sungai itu sudah dilakukan tetapi tertangguh sekitar 2007 apabila kontraktor ditamatkan kontrak terpaksa berdepan masalah berkaitan utiliti di kawasan itu sehingga (kos mengatasinya) melibatkan RM1 juta.

"Namun setelah projek ini dimulakan nanti, kita percaya segala masalah termasuk sampah di sungai berkenaan diatasi," katanya.

Mengulas cadangan penduduk supaya diletakkan perangkap sampah bagi meng-



Sebahagian saliran dalam kawasan Kampung Rajah yang dipenuhi sampah dan bekas plastik, sebelum ia mengalir ke Sungai Rajah.

atasi pencemaran di sungai tersebut, menurut Mohd Fuad, ia tidak termasuk dalam cadangan kerja menaik taraf sungai terbahit.

Bagaimanapun menurutnya, pihaknya akan mengambil maklum cadang-

an mewujudkan perangkap sampah tersebut bagi projek akan datang di sungai berkenaan.

Difahamkan, kos terlibat bagi menyambung kerja menaik taraf Sungai Rajah adalah sekitar RM4 juta, melibat-

kan sungai sepanjang lebih satu kilometer.

Terdahulu, Mohd Fuad juga meminta supaya orang ramai bersama menjaga kebersihan alam sekitar termasuk tidak membuang sampah ke dalam sungai.